

Bon daulat bukan tambah rizab — PM

UM 29 JUN 2001

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 28 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyangkal andaian yang mengatakan cadangan kerajaan menawarkan bon berdaulat di pasaran modal antarabangsa bertujuan menambah rizab negara.

Beliau yang kini memangku tugas Menteri Kewangan berkata, Malaysia mempunyai rizab yang mencukupi untuk membiayai tiga bulan import tertangguh.

Dr. Mahathir turut menolak andaian bahawa cadangan penawaran bon tersebut bertujuan membiayai projek-projek tertentu.

“Sebenarnya kita hanya mahu mencukupkan keperluan yang ada. Jadi, ia hanya merupakan amalan biasa,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah

kepada pemenang Pertandingan Merancang Perniagaan, Venture 2001, di sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman oleh Kementerian Kewangan hari ini tentang pelancaran bon tersebut.

Ketika diminta pengesahan beliau sama ada nilai terbitan bon ialah AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) seperti yang dijangka sebelum ini, Dr. Mahathir berkata: “Saya rasa AS\$1 bilion.”

Dalam pengumuman cadangan terbitan bon itu, Kementerian Kewangan menyatakan pulangan daripadanya akan digunakan untuk tujuan pembiayaan am kerajaan.

Bon-bon itu akan diberi penarafan ‘BBB’ oleh Standard & Poor’s dan ‘Baa2’ oleh Moody’s Investors Service Inc.

Ditanya sama ada wang yang akan diperoleh daripadanya akan digunakan

untuk mempertahankan kadar ringgit, Perdana Menteri berkata, itu bukan alasannya.

“Ini kerana buat masa ini tidak mungkin bagi sesiapa menyerang ringgit. Sebelum ini memang kita kena masuk ke pasaran untuk mempertahankan ringgit. Tetapi tidak ada sesiapa yang boleh menyerang ringgit,” katanya.

Berdaulat

Dr. Mahathir mempertahankan langkah kerajaan menawarkan bon berdaulat merupakan perkara biasa.

“Setiap tahun kerajaan memasuki pasaran untuk menambah sedikit dana menerusi terbitan bon,” katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula keputusan yang dibuat oleh Tun Daim Zainuddin semasa beliau menjadi Menteri Kewangan, Perdana Menteri berkata, tidak ada keper-

luan untuk berbuat demikian.

“Kita hanya teruskan. Tetapi ada yang perlu dikaji dan diteliti,” katanya sambil memberi contoh pengambilalihan aset LRT PUTRA dan STAR.

Pada awalnya, kerajaan bercadang untuk menerbitkan bon bernilai RM6 bilion untuk mengambil alih aset dua syarikat pengendali LRT, Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. (STAR) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. (PUTRA).

Bagaimanapun, kerajaan telah menangguhkan rancangan itu kerana menunggu syor-syor daripada Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) tentang pelan alternatif untuk syarikat-syarikat itu.

Kedua-dua syarikat itu dilaporkan dibebani hutang sebanyak RM6 bilion.